

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris  
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En LioKwang Meng  
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisam Bin Said  
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati  
Ahli-Ahli Majlis Daerah Kota Tinggi  
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan  
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamatpagi , Salam Sejahtera dan  
Salam Muafakat Johor

Izinkan saya memulakan ucapan dengan serangkap pantun

**Bukan batang sembarang batang  
Batang kaktus memang berduri  
Bukan datang sembarang datang  
Datang mengundang sepuluh jari**

**Tanam selasih dekat pematang  
Awan berarak disenja hari  
Andai tuan dan puan tidaklah datang  
Kurang semarak acara kami**

Para Ahli Mesyuarat yang di hormati,

Ingin saya berkongsi serba sedikit berkenaan Majlis Daerah Kota Tinggi, pada awal penubuhan Majlis Daerah Kota Tinggi dikenali sebagai Lembaga Bandaran di mana sebahagian pentadbiran adalah di bawah pentadbiran Pihak Kerajaan. Pada 01 April 1961, Lembaga Bandaran telah ditukar kepada Majlis Bandaran di mana keseluruhan pentadbiran menjadi Badan Berkanun dan Kewangan Berautonomi serta mendapat bantuan pemberian dari Kerajaan Negeri.

Pada 01 Januari 1977, Majlis Daerah Kota Tinggi melalui penyusunan semula Pengguna-Pengguna Tempatan di Malaysia Barat dengan menyatukan beberapa buah Pengguna Tempatan mengikut kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 untuk diterbitkan dalam satu Lembaga Pengurus. Yang kini di gelar Majlis Daerah Kota Tinggi.

Pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui untuk menjadikan MDKT sebagai salah satu PBT yang terbaik di Malaysia. Terima kasih tak terhingga diucapkan kepada

seluruh warga MDKT sejak dari dulu hingga kini yang sentiasa memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi demi memastikan MDKT terus dihormati dan di sanjungi.

Untuk terus mengekalkan bukanlah sesuatu yang mudah, pelbagai perancangan dan aktiviti kemasyarakatan haruslah sentiasa dilakukan. Pada bulan ini sahaja sebanyak 11 program telah dilaksanakan yang melibatkan MDKT terutama program berkaitan kemasyarakatan. Program-program yang melibatkan MDKT dan Masyarakat seperti Program Penyerahan Lembu Qurban Oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique di Balai Terbuka Kg Baru Sg Telor pada 11 September dan Program Ibadah Qurban Peringkat MDKT Di Kuarters MDKT yang melibatkan warga MDKT dan masyarakat sekitar Bandar Kota Tinggi di mana 3 lembu dikurbankan pada 14hb September yang lalu jam 8.00 Pg hingga 12 tengahari. Terima kasih kepada seluruh warga MDKT dan masyarakat sekitar yang membantu bergotong royong menjalankan aktiviti korban pada hari tersebut.

***Pergi Mendaki Si Gunung Daik  
Hendak Menjerat Kancil Dan Rusa  
Bergotong Royong Amalan Baik  
Elok Diamal Setiap Masa***

Bagi masyarakat Tiong Hua juga tidak kami lupakan, MDKT juga terlibat sama dalam memeriahkan Festival Tanglong Tahun 2016 Persekutuan Persatuan Pemuda Cina Daerah KT Di SJKC Pei Hwa di mana Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah pada 24hb September yang lalu.

Selain dari aktiviti kemasyarakatan, MDKT juga terlibat secara langsung dalam program-program berkaitan Belia. Pada 17hb September lepas. Majlis Perhimpunan Hari Belia Peringkat Negeri Johor telah di adakan Di Astaka Budaya Laman Tun Sri Lanang. Majlis telah Dirasmikan oleh YAB MB Johor yang berlangsung selama 3 hari telah mendapat sambutan yang hangat dari masyarakat di dalam dan di luar Kota Tinggi. Jutaan tahniah juga ingin saya sampaikan kepada Saudara Fadzli Bin Hassan , Ahli Majlis Zon 19 Taman Pasak Indah dan juga merupakan Ketua Pergerakkan Pemuda UMNO Kota Tinggi di atas penganugerahannya sebagai Tokoh Belia Peringkat Negeri Johor. Syabas buat anak kota Tinggi.

Dalam ucapan YAB Menteri Besar, beliau melahirkan rasa gembira dan bangga atas usaha murni semua pihak mendekati belia dengan mewujudkan Y Street di Kota Tinggi. Y Street merupakan satu tempat di mana pelbagai aktiviti-aktivi orang muda di adakan, menyerupai konsep downtown cuma bezanya ianya khas untuk anak-anak muda menjalankan aktiviti mereka seperti pertunjukan audia system kereta, skateboard, melukis mural dan sebagainya. Y Street boleh di anggap sebagai “ One Stop Center” buat anak muda mendapatkan maklumat aktiviti yang sedang atau akan dijalankan khasnya bagi golongan anak muda. Tahniah kepada semua pihak yang terbabit sehingga Berjaya mewujudkan Y Street di kota Tinggi dan merupakan yang pertama di Johor. Terima kasih juga kepada semua yang hadir bagi menjayakan program tersebut.

*Hidangan Dimasak Si Anak Dara  
Berbilang Jenis Berbagai Rasa  
Belia Menjadi Harapan Negara  
Meneruskan Kesinambungan Warisan Bangsa.*

*Indahnya Bulan Mengambang Penuh  
Pungguk Mendayu Jiwa Dan Raga  
Belia Kuat Negara Teguh  
Menyumbang Idea Serta Tenaga.*

Para Ahli Mesyuarat yang di muliakan,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dilahirkan sebagai rakyat Malaysia. Bumi merdeka, aman dan harmoni. Sungguh pun negara kita punya berbilang bangsa, ada Melayu, Cina, India, Bidayuh, Iban, Kadazan, juga kaum bumiputera lain namun semuanya hidup bersatu padu. Utuhnya perpaduan kunci kejayaan dan kedamaian negara Malaysia.

Kita seharusnya berterima kasih pada pemimpin negara suatu ketika dahulu, bersusah payah, berusaha keras ketika proses pembentukan Malaysia tahun 1963. Setiap tahun, tanggal 16 SEPTEMBER ia merupakan tarikh bersejarah untuk Malaysia. Tanpa perjuangan mereka, mungkin kita bukan bergelar rakyat Malaysia pada hari ini. Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak disatukan, kita satu bangsa, satu negara, Malaysia!

*Chef Ali banyak resepi rahsia,  
Hebat membuat kek dan pakar masakan,  
1963 tarikh pembentukan Malaysia,  
Tanah Melayu Sabah dan Sarawak disatukan*

Marilah kita sematkan nilai patriotik dalam diri kita. Malaysia bumi merdeka aman nan damai. Di sini..tempat lahirnya kita, tanah air tercinta. Malaysia namamu sentiasa dihatikami..

Untuk makluman para Ahli Mesyuarat yang saya hormati,

Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Ke Empat Dewan Negeri Johor Di Dewan Persidangan Aras 2, Bangunan Sultan Ismail Kota Iskandar, Iskandar Puteri pada 8hb September 2016. Pegawai-Pegawai MDKT terlibat secara langsung dalam membantu kerajaan negeri semasa persidangan tersebut di jalankan.

MDKT juga terlibat menghantar beberapa kakitangan bagi membantu dalam Karnival Sukan SUK Semalaysia Di Kompleks Sukan Educity, Iskandar Puteri yang berlangsung dari 22hb hingga 25hb September 2016.

*Rakyat perlu pemimpin berjasa,  
Menabur jasa sudahlah biasa;  
Ramah tamah tak gila kuasa,  
Moga hidupmu aman sejahtera.*

**Pemimpin bekerja tak kira masa,  
Pentingkan rakyat dari segala;  
Kerahkan kita beri kerjasama,  
Asalkan rakyat hidup bahagia**

Sekalung tahniah saya ucapan pada YB Datuk Halimah Mohamed Sadique atas usaha murni belia merapatkan perhubungan di antara Rakyat dan Kerajaan. Di antara usaha yang dijalankan ialah dengan mengadakan Hari terbuka dan Sessi TownHall Peringkat JPP bagi Zon1 & 2 Tmn Sri Saujana, Zon 3,4 Dan 5 Kota Tinggi Di Dewan Terbuka Tmn Sri Lalang dan Zon 8 & 9 Tmn Kota Jaya. Untuk makluman Sessi Townhall merupakan satu pendekatan untuk menjalin hubungan dua hala antara pbt dan rakyat. Melalui sessi ini pelbagai maklumat, pandangan serta komen dapat diperolehi dan boleh dijadikan sebagai panduan untuk memastikan Rakyat, PBT mahupun kerajaan dapat menyumbang keatah kemajuan dan keharmonian sesame kita. Langkah yang di ambil beliau sememangnya harus diberikan pujian dan penghargaan. Terima kasih sekali lagi YB.

Para Ahli mesyuarat yang saya muliakan,

Sebelum saya akhir ucapan saya pada pagi ini ingin saya kongsikan sedikit tentang Bulan Muharram yang akan kita sambut beberapa hari lagi.

Hari Maal Hijrah atau Awal Muharram ini adalah suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana ia menandakan dua peristiwa penting berlaku dalam sejarah Islam. Pertama, memperingati penghijrahan Nabi Muhammad dari Kota Mekkah ke Madinah pada tahun 622 masih, dan kedua, ia merupakan hari keagamaan di mana umat Islam mengadakan solat sunat di masjid-masjid di seluruh negeri.

Di dalam Bulan Muharram itu sendiri ada beberapa peristiwa penting yang ingin saya kongsikan dengan semua yang hadir. Di antar peristiwa penting tersebut ialah

1. 1 Muharam - Khalifah Umar Al-Khattab menetapkan adalah hari pertama bagi setiap tahun baru Islam (Kalendar Hijriah).
2. 10 Muharam - Dinamakan juga hari 'Asyura'. Pada hari itu banyak terjadi peristiwa penting yang mencerminkan kegemilangan bagi perjuangan yang gigih dan tabah bagi menegakkan keadilah dan kebenaran.

Pada 10 Muharam juga telah berlaku:

1. Nabi Adam bertaubat kepada Allah.
2. Nabi Idris diangkat oleh Allah ke langit.
3. Nabi Nuh diselamatkan Allah keluar dari perahunya sesudah bumi ditenggelamkan selama enam bulan.
4. Nabi Ibrahim diselamatkan Allah dari pembakaran Raja Namrud.
5. Allah menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa.
6. Nabi Yusuf dibebaskan dari penjara.
7. Penglihatan Nabi Yaakob yang kabur dipulihkan Allah.
8. Nabi Ayub dipulihkan Allah dari penyakit kulit yang dideritainya.

9. Nabi Yunus selamat keluar dari perut ikan paus setelah berada di dalamnya selama 40 hari 40 malam.
10. Laut Merah terbelah dua untuk menyelamatkan Nabi Musa dan pengikutnya dari tentera Firaun.
11. Kesalahan Nabi Daud diampuni Allah.
12. Nabi Sulaiman dikurniakan Allah kerajaan yang besar.
13. Hari pertama Allah menciptakan alam.
14. Hari Pertama Allah menurunkan rahmat.
15. Hari pertama Allah menurunkan hujan.
16. Allah menjadikan 'Arasy.
17. Allah menjadikan Luh Mahfuz.
18. Allah menjadikan alam.
19. Allah menjadikan Malaikat Jibril.
20. Nabi Isa diangkat ke langit.

Bulan Muharram adalah bulan yang mulia dan ia memiliki keutamaannya yang tersendiri. Nabi Shallallahu 'alaihi wa Sallam menyatakan bulan Muharram adalah bulan Allah, dan puasa yang yang paling afdhal setelah Ramadhan adalah puasa di bulan Muharram. Kata Nabi Shallallahu 'alaihi wa Sallam:

**أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْقُرْبَيْضَةِ صَلَاةُ الْتَّلِيلِ**

**Yang Bermaksud :**

Puasa yang paling afdhal setelah puasa di bulan Ramadhan adalah puasa di bulan Allah bulan al-Muharram. Dan solat yang paling afdhal setelah solat yang difardhukan adalah solat di malam hari." (Hadis Riwayat Muslim)

Bulan sabit tersenyum ramah,  
Didampingi Bintang-bintang nan indah,  
Selamat Tahun Baru Hijriah,  
Semoga Tahun ini lebih berkah

Semoga sedikit perkongsian yang saya berkenaan Bulan Muharam dapat dijadikan peringatan dan Semoga Allah sentiasa memberkati apajua amanah dan tanggungjawab yang kita rancang atau laksanakan. Amin Ya Rabbal Allamin

Burung helang di pohon meranti,  
Burung kuang jadi tumpuan;  
Masa dirancang dengan teliti,  
Tidak terbuang tanpa tujuan.

Waktu liburan ke Tanjung Tuan,  
Orang muda mencari gamat;  
Tetap sasaran tentu tujuan,  
Setiap usaha ada matlamat.

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warohmatullahiwabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.